

**TEKS UCAPAN YB DATUK HAJI FADILLAH YUSOF,  
MENTERI KERJA RAYA SEMPENA  
MAJLIS SEKALUNG BUDI  
YBHG. DATUK IR. HAMZAH HASAN  
MANTAN PENERUS LEMBAGA PEMBANGUNAN  
INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)**

Terima kasih saudara/saudari Pengerusi Majlis

Bismillahirrohmanirrohim

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

YBhg. Datuk Himmat Singh  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang diraikan  
YBhg. Datuk Ir. Hamzah bin Hasan,  
Mantan Pengerusi CIDB

YBhg. Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin bin Ali,  
Pengerusi CIDB

YBhg. Dato'. Sri Prof Ir. Dr. Judin Abdul Karim  
Ketua Eksekutif, CIDB

YBhg. Datuk Ir. Haji Adanan Mohamed Hussain  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes),  
Jabatan Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Sr. Haji Abdull Manaf Haji Hashim  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar),  
Jabatan Kerja Raya

Yang Berusaha Sr. Aziz Abdullah  
Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes) , Lembaga Lebuhraya Malaysia

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan agensi seterusnya rakan-rakan industri sekalian.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, maka kita dapat bersama-sama menghadiri majlis pada hari ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) kerana sudi menjemput saya untuk menghadiri dan seterusnya menyempurnakan Majlis Sekalung Budi YBhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan pada petang ini.

YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato' dan para hadirin sekalian,

2. CIDB adalah salah satu daripada agensi di bawah Kementerian Kerja Raya yang berperanan merealisasikan Halatuju Sektor Pembangunan di negara ini. Sejak penubuhan CIDB pada tahun 1994 peningkatan prestasi industri pembinaan dapat dilihat dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh CIDB seperti mengadakan Industry Construction Week (ICW), Malaysian Construction Industry Excellence Awards (MCIEA) dan juga kerjasama dengan pihak antarabangsa bagi memperluaskan industri pembinaan negara keperingkat global.

3. Sepanjang 3 tahun CIDB diterajui oleh YBhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan dengan dibantu oleh barisan Anggota Lembaga Pengarah serta Ketua Eksekutif dan Pengurusan Tertinggi CIDB telah meraih pencapaian yang baik. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada YBhg. Datuk Ir Hamzah Hasan atas kejayaan menerajui CIDB sebagai Pengerusi Anggota Lembaga Pengarah sejak tahun 2011.

YBhg. Tan Sri, Dato'-dato' dan para hadirin sekalian,

4. Pengalaman YBhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan dalam industri pembinaan tidak dapat disangkal lagi. Beliau telah memulakan kerjaya di Jabatan Kerja Raya pada tahun 1975 dan atas kecemerlangan beliau di JKR beliau telah dilantik sebagai Pengarah Binaan KL International Airport Berhad. Selepas berjaya menyiapkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada tahun 1998, YBhg. Datuk Ir Hamzah Hasan telah menyertai Ahmad Zaki Resources Berhad yang merupakan sebuah syarikat pembinaan terkemuka. Berbekalkan pengalaman yang luas di sektor awam dan swasta ini, beliau telah dipanggil semula untuk berkhidmat kepada Negara oleh Menteri Kerja Raya pada tahun 2003 dengan melantik beliau sebagai Ketua Eksekutif CIDB sebelum dilantik menjadi Pengerusi CIDB pada tahun 2011.

5. Sikap sendiri beliau yang boleh dibawa berbincang '**easy to get along**' dan sentiasa berusaha mempermudah urusan mereka yang menghadapi masalah dan kesusahan adalah kualiti yang perlu dicontohi dan diteladani oleh kita semua. CIDB telah kehilangan seorang pemimpin yang berwibawa, berjasa dan pemimpin yang berjiwa rakyat serta berkarisma. Pemergian beliau amat dirasai.

6. Terlalu banyak kejayaan-kejayaan beliau untuk disebut disini. Tetapi saya berharap kejayaan ini dapat diteruskan demi masa hadapan industri pembinaan Negara dibawah kepimpinan YBhg. Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin bin Ali Pengerusi CIDB yang baru dilantik.

7. Pada kesempatan ini saya bagi pihak Kementerian Kerja Raya, CIDB dan rakan-rakan industri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan di atas sumbangan dan komitmen sepanjang tempoh beliau berkhidmat di CIDB. Serangkap pantun hadiah daripada saya;

Cindai bercorak penuh berpita  
Pakaian anak Panglima Garang  
Emas dan perak pengaruh dunia  
Budi yang baik dijunjung orang

8. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan atas sumbangan bakti di CIDB dan kini telah diamanahkan untuk meneruskan khidmat bakti sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia.

9. Akhir kata daripada saya 'MEMORIES LAST FOREVER, NEVER DO THEY DIE. FRIENDS STAY TOGETHER, NEVER SAY GOODBYE.

10. Sekian, terima kasih.

Wabillah hitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah  
hiwabarakatuh